

## Bermukun dalam Tradisi Masyarakat Sarawak

Mohamad Nik Mat Pelet<sup>1</sup>, Rozaimah Rashidin<sup>1</sup>, Noriza Daud<sup>1</sup>, Nurul Nadia Samud<sup>1</sup>  
Wan Robiah Meor Osman<sup>2</sup>, dan Anida Sarudin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor, Malaysia  
<sup>2</sup>Pusat Kajian Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia  
<sup>3</sup>Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding Author: nikmat@uitm.edu.my

Received 20<sup>th</sup> March 2024, Revised 22<sup>nd</sup> May 2024, Accepted 26<sup>th</sup> June 2024

### ABSTRAK

*Bermukun merupakan salah satu aktiviti seni warisan budaya masyarakat Sarawak yang masih kekal relevan hingga ke hari ini. Aktiviti bermukun melibatkan tiga komponen utama iaitu bergendang, berbalas pantun dan bertandak. Metodologi kajian ini melibatkan kajian kualitatif dan analisis kandungan berbantuan Model Segi Tiga Semiotik. Data pantun dikumpul melalui kajian lapangan yang melibatkan aktiviti bermukun dan kaedah persampelan yang digunakan ialah kaedah persempelan bertujuan. Implikasi kajian ini menjadi output kepada pembinaan Profil Perlambangan Pantun Tradisi Bermukun Masyarakat Melayu Sarawak dan Profil Makna Pantun Tradisi Bermukun Masyarakat Melayu Sarawak. Aktiviti berbalas pantun ini dianggap unik kerana disampaikan secara spontan yang didengarkan melalui nyanyian. Keindahan berbalas pantun dalam tradisi bermukun ini juga dapat dilihat melalui penggunaan ungkapan dalam rangkap pantun tersebut. Ungkapan ini diwakili oleh perlambangan yang berbentuk eksplisit dan implisit yang mencerminkan keintelektualan dan seni berkomunikasi dalam kalangan masyarakat Sarawak. Namun begitu, unsur perlambangan yang berbentuk eksplisit dan implisit boleh menimbulkan ketidakfahaman disebabkan oleh kekangan bahasa yang berbeza. Kesannya, mesej yang cuba disampaikan melalui pantun tersebut tidak difahami oleh bukan penutur jati. Hakikatnya, budaya berbalas pantun yang diwarisi sejak turun-temurun ini dapat memupuk rasa cinta kepada aktiviti seni dan budaya dalam kalangan masyarakat di negeri Sarawak. Hal ini sejajar dengan peranan dan fungsi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang dipertanggungjawabkan di bawah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti unsur perlambangan dan menganalisis makna eksplisit dan implisit dalam rangkap pantun Melayu Sarawak serta mendokumentasikan pantun sebagai hasil seni khazanah bangsa.*

**Kata kunci:** Perlambangan, implisit, eksplisit, warisan, bermukun,

### 1. PENGENALAN

Sarawak bukan sahaja terkenal dengan kepelbagaian suku kaum, malah adat dan budaya juga menjadi salah tarikan untuk masyarakat luar mengenali masyarakat Sarawak. Setiap adat dan budaya yang terdapat di negeri Sarawak juga dapat menandai suku kaum tertentu kerana identiti yang ditonjolkan dalam setiap adat mahupun budaya itu sangat sinonim dengan sub-sub kaum yang ada di negeri tersebut. Antara suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak ialah Melayu Sarawak, Melanau, Cina, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah dan sebagainya. Keunikan setiap suku kaum tersebut dapat dikenali melalui perayaan yang disambut, adat yang diamal dan budaya yang diketengahkan.

Walaupun masyarakat di Sarawak kaya dengan adat dan budaya, mereka tetap hidup dalam suasana harmoni dan sejahtera malah, jalinan yang menyatu padu itu juga dikatakan mampu diwujudkan melalui adat dan budaya.

Antaranya ialah budaya bermukun yang sangat popular di negeri Sarawak. Walaupun pada asalnya aktiviti bermukun ini dikatakan sinonim dengan masyarakat Melayu Sarawak, namun aktiviti tersebut bukan sahaja terkenal dalam kelompok masyarakat tersebut malah ia merentas kaum-kaum lain seperti Iban dan Melanau. Dalam erti lain, aktiviti bermukun ini telah menjadi tradisi warisan negeri Sarawak kerana hampir segenap masyarakat di negeri tersebut arif tentang keunikan aktiviti bermukun. Oleh itu, kajian berkaitan aktiviti bermukun ini wajar diperluaskan dengan meneliti keseluruhan kegiatan yang dilakukan dalam aktiviti tersebut agar ia kekal menjadi simbolik identiti negeri Sarawak yang unik dan sekali gus menjadi kebanggaan rakyatnya dan pada masa yang sama merupakan khazanah khusus milik Malaysia sebagai salah satu tarikan ekopelancongan dan warisan negara.

Kajian yang dijalankan ini pada dasarnya bertujuan untuk mengenal pasti (i) unsur perlambangan dalam pantun aktiviti bermukun, (ii) menganalisis makna eksplisit dan implisit dalam pantun tersebut serta (iii) mendokumentasikan acara bermukun sebagai khazanah warisan bangsa dan nuansa citra Malaysia amnya dan Sarawak khususnya.

### **1.1 Bermukun**

Sejarah awal berkaitan bermukun tidak dapat diperjelaskan secara terperinci namun, keunikan aktiviti bermukun telah lama subur dalam kalangan masyarakat Sarawak. Bermukun asalnya, daripada salah satu acara ritual yang amalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak pada suatu ketika dahulu. Kini, ia telah menjadi salah satu aktiviti yang popular dan berubah fungsinya sesuai dengan peredaran zaman dan persekitaran. Dalam erti lain, bermukun tidak lagi relevan dengan aktiviti ritual seperti sebelum kedatangan Islam dan kini aktiviti tersebut cenderung untuk tujuan hiburan semata-mata. Sekitar 1700-an, aktiviti bermukun iaitu ritual ini hanya disulami dengan pantun dan gendang, akan tetapi selepas kedatangan Islam ia mula berevolusi dan menerima pengaruh luar sehinggakan gambus dan biola turut digunakan dalam aktiviti bermukun. Walaupun begitu, fungsi elemen-elemen tersebut hanyalah sebagai unsur tambahan bagi mengindahkan bunyi dan alunan muzik. Pada dasarnya, bermukun melibatkan tiga asas utama iaitu, gendang, tandak(tarian) dan pantun.

Pantun dilihat sebagai salah satu medium dalam aktiviti kesenian dan keramaian di daerah negeri Sarawak yang masih dikekalkan dan mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan ini dapat dilihat melalui kegiatan berbalas pantun dalam bentuk nyanyian yang diadakan dalam majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan dan acara-acara khusus seperti majlis berkhatan dan mencukur rambut. Acara nyanyian dalam pantun ini juga dikenali sebagai acara bermukun yang menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat di Sarawak. Pantun tercipta dalam struktur yang unik, mempunyai pembayang dan maksud yang tersendiri melalui perlambangan yang dijelmakan dalam bentuk rangkap. Perlambangan dikutip daripada unsur-unsur alam seperti flora, fauna, unsur geografi, cakerawala, dan nama-nama tempat yang sangat akrab dengan pemantun. Keindahan berbalas pantun dalam tradisi bermukun dapat dilihat melalui penggunaan ungkapan dalam rangkap pantun tersebut. Ungkapan ini diwakili oleh perlambangan yang berbentuk eksplisit dan implisit yang mencerminkan keintelektualan dan seni berkomunikasi dalam kalangan masyarakat Sarawak.

Namun begitu, unsur perlambangan yang berbentuk implisit yang disampaikan dengan menggunakan bahasa Melayu Sarawak boleh menimbulkan ketidakfahaman disebabkan oleh kekangan bahasa yang berbeza. Kesannya, mesej yang cuba disampaikan melalui pantun tersebut tidak difahami oleh masyarakat Melayu khususnya. Selain itu juga, pantun yang secara dasarnya wujud sebagai puisi lisan perlu dilestarikan sebagai satu warisan kesenian dan kebudayaan bangsa kerana pantun mengandungi khazanah bangsa Malaysia.

## 2. SOROTAN LITERATUR

Kajian Muhammad Khalil dan Mas Rynna (2023) bertujuan untuk menganalisis pelambangan unsur alam dalam pantun dan hubungkaitnya dalam konteks eko menjelaskan pantun bukan sahaja berunsurkan keindahan dan kehalusan karangan pantun yang berangkap malah, ia juga menzahirkan idea yang utuh serta mempunyai pengaruh disebalik perlambangan yang digunakan dalam pantun. Tambah mereka lagi, rangkap pantun yang dibentuk turut merungkaikan tentang elemen nilai, budaya, tradisi, kasih sayang, cinta, kecondan, hal kemasyarakatan, falsafah hidup dan sebagainya. Lantas, unsur-unsur tersebut mampu mempererat hubungan dalam kalangan masyarakat termasuklah dengan unsur alam yang disebut secara langsung dalam sesuatu pantun melalui pelbagai perlambangan berkaitan.

Manakala kajian Mengga (2023) berkaitan unsur tumbuhan sebagai perlambangan pula menjelaskan bahawa unsur alam seperti tumbuhan dan haiwan sering digunakan sebagai perlambangan dalam cabang seni lisan masyarakat dunia termasuklah budaya masyarakat Iban. Kajian kualitatif dengan menggunakan teknik senarai semak berkaitan peribahasa turut mendapati keunikan bentuk dan keindahan makna tersurat dan tersirat disebalik unsur-unsur yang digunakan dalam peribahasa masyarakat Iban di Sarawak. Dapatan tersebut jelas membuktikan bahawa disebalik perlambangan yang dizahirkan dalam sesuatu pantun mahupun peribahasa terdapat makna-makna khusus sama ada secara nyata ataupun tidak yang disebut sebagai makna eksplisit dan implisit. Situasi tersebut memerlukan pengamatan dan pemahaman yang tinggi terutama dalam memberi tafsiran berkaitan makna implisit yang tidak jelas, kabur serta berkias sebagaimana pantun-pantun yang diujarkan dalam aktiviti bermukun di Sarawak.

Begitu juga Shia (2020) yang berpendapat bahawa pemilihan sesuatu ungkapan memerlukan pemikiran yang tajam daripada penulis kerana fungsi leksikal yang dipilih untuk digunakan dalam sesuatu karya seperti lagu bukanlah untuk tujuan hiburan semata-mata, malah mengandungi falsafah dan pemikiran yang bermakna sama ada secara nyatakan atau sebaliknya untuk disampaikan kepada pendengar. Kajian berasaskan kaedah kualitatif yang menggunakan korpus dalam bentuk teks cuba untuk menghurai berkenaan perlambangan yang digunakan dalam lirik lagu dan hasil dapatan analisis melalui kaedah kepustakaan mendapati perlambangan kehidupan mewah yang ingin dipaparkan dalam lirik lagu yang dikajinya adalah dengan memilih perkataan atau leksikal yang merujuk nama negara dan harta tertentu sebagai cara untuk menggambarkan kehidupan mewah yang boleh dirasai sekiranya menjadi jutawan. Malah, nama-nama makanan mahal yang sinonim dengan kemewahan juga digunakan dalam lirik lagu yang telah dikaji olehnya.

Suliman et al., (2023) dalam kajian berkaitan satu penelitian berdasarkan pendekatan semiotik dalam satu puisi konkrit mendapati wujudnya makna tersurat dan tersirat disebalik puisi yang dicipta. Kajian kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan semiotik itu juga menjelaskan puisi Gakgagak tersebut berfungsi untuk menyuarakan keluh resah masyarakat kasta bawah dalam usaha memperjuangkan hak yang sekian lama dinafikan oleh pihak tertentu. Karya unik tersebut juga didapati sarat dengan unsur pelambangan yang bermakna dan sesuai untuk difahami serta dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain sebagaimana kajian berkaitan pantun yang diujarkan dalam aktiviti bermukun.

Walaupun perkataan yang digunakan mudah, namun beliau mendapati ia mengandungi makna yang tersirat dan mendalam serta bersifat emosional jika dibuat pengamatan yang tepat berdasarkan teori yang sesuai.

Kajian berkaitan perlambangan juga telah dilakukan oleh Adam Mohd Salehuddin *et. al* (2017) dan Noriza Daud (2007) dengan mengaplikasikan pendekatan semiotik dalam kajian mereka. Adam Mohd Salehuddin *et. al* (2017) dalam kajiannya telah menilai karya seni yang merepresentasikan makna-makna melalui tanda yang divisualisasikan. Kajian telah memilih sebuah karya seni yang dihasilkan oleh Mohd Fuad Arif iaitu 'Pembukaan' (2013) sebagai objek kajian. Konsep Triadik Peirce's telah digunakan oleh pengkaji dalam membaca makna terhadap sebuah karya seni, yang merupakan sebuah produk penggunaan bahasa dalam bentuk tulisan yang secara khususnya adalah sebuah himpunan tanda dalam membentuk makna. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan konsep semiotik ini mampu untuk menjelaskan makna dalam sesebuah karya seni dengan lebih jelas dan sistematik.

Noriza Daud (2007) dalam kajiannya Unsur Metafora dalam Pantun: Suatu Pendekatan Semiotik, turut mengaplikasikan pendekatan semiotik yang telah dikemukakan oleh Charles Sanders Peirce dengan menganalisis data daripada koleksi pantun Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1984 (cetakan kedua) dalam Kumpulan Pantun Melayu (KPM) yang diselenggarakan oleh Zainal Abidin Bakar. Kajian ini hanya memfokuskan kepada satu jenis tema sahaja iaitu tema peribahasa dan perbilangan (P&P). Dapatan menunjukkan bahawa Kategori lambang (KL) dalam Pantun Peribahasa dan Perbilangan (PP&P) dapat dikelaskan kepada unsur konkrit dan abstrak, iaitu unsur konkrit mendahului dengan jumlah 132 manakala unsur abstrak hadir dengan jumlah yang kecil, iaitu hanya 18. Berdasarkan pada pengelasan makna lambang (ML) mengikut bentuk pula dapat dipecahkan kepada tiga, iaitu makna literal (MLi), makna bukan literal (MBLi), dan kombinasi antara makna literal dengan makna bukan literal (MLi+MBLi). Hanya unsur konkrit dan abstrak sahaja yang kelihatan dalam semua bentuk makna.

Pantun merupakan salah satu khazanah unggul yang bukan sahaja dimiliki oleh kelompok masyarakat tertentu malah, hampir setiap kelompok masyarakat mempunyai khazanah pantun tersendiri. Antara pantun yang menajdi pilihan para pengkaji ialah Pantun Melayu Sarawak. Disebabkan keunikan pantun tersebut, maka, tidak hairanlah banyak kajian yang mengkaji pantun ini telah dilakukan. Antaranya ialah Mohamad Syawal *et al.* (2020), Rohayati Junaidi *et al.* (2019), Hazami Jahari (2012), Hamsiah Juki (2018), Nirwana Sudirman *et. al.* (2016) dan Fatimah Haji Subet (2017). Mohamad Syawal *et al.* (2020) dalam kajiannya ingin mengenal pasti budaya bermukun dan bergendang dalam masyarakat Melayu Sarawak yang berupaya dilestarikan sebagai wadah untuk menerapkan nilai tanggungjawab. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan semakan dokumentasi. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa budaya bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak bukan sahaja sebagai hiburan santai tetapi turut menerapkan nilai tanggungjawab dalam kehidupan seharian. Tanggungjawab berkenaan bukan sekadar terhadap kepentingan sendiri tetapi merangkumi tanggungjawab membantu orang lain, tanggungjawab menjaga maruah agama, bangsa dan negara.

Rohayati Junaidi *et al.* (2019) turut menganalisis pantun Melayu Sarawak yang telah dibukukan dalam buku Kurik Kundi Merah Saga (2002) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi mengenal pasti nilai-nilai sosio budaya masyarakat Sarawak. Semua pantun yang terpilih dianalisis dengan menggunakan konsep yang terdapat dalam Teori Sosiologi Sastera yang dikemukakan oleh Laurensen & Swingewood (1972), iaitu sastera sebagai cerminan zaman, sastera dilihat dari proses kepengarangan dan sastera dalam hubungannya dengan sejarah. Dapatan kajian memperlihatkan pantun-pantun Melayu Sarawak sarat dengan nilai-nilai budaya tempatan yang menjadi cerminan masyarakat Melayu Sarawak dan memberi ilmu pengetahuan kepada masyarakat luar.

Hazami Jahari (2012) turut mengkaji penggunaan kias dan ibarat dalam pantun mukun Gendang Melayu Sarawak. Sebanyak 200 pantun yang dipersembahkan dalam majlis bergendang atau bermukun akan dianalisis menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh. Kajian ini juga membuat penilaian dan rumusan tentang kemantapan dan kesesuaian teori ini dalam mengkaji aspek estetika pantun Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa kiasan menjadi kaedah dasar kepada cara berfikir orang Melayu dan teknik utama untuk menggubah pantun. Fungsi kiasan adalah sebagai alat mengindahkan bahasa, menajamkan makna dan menjaga air muka seseorang dalam komunikasi lisan. Selain itu, dapat disimpulkan bahawa teori yang diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh sangat bersesuaian dan jitu untuk mengkaji berbagai-bagai fungsi metafora dalam pantun Melayu.

Hamsiah Juki (2018) dalam kajiannya mengetengahkan pemikiran etika yang ada dalam pantun Melayu Sarawak yang berperanan menunjukkan tingkah laku masyarakat Melayu yang ada di Sarawak. Bermukun bukan sahaja bertujuan untuk berhibur malah penuh dengan penyerapan nilai dan etika dalam masyarakat. Pantun Melayu Sarawak dianalisis berdasarkan kerangka pemikiran. Pantun ini dipilih kerana pantun ini lebih bertumpu kepada penggunaan dialek Sarawak, tidak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran formal namun telah diamalkan secara meluas dalam kalangan warga tua yang hanya bertujuan untuk berhibur di samping dapat memberi nasihat dan pengajaran kepada para pendengar. Dapatan menunjukkan bahawa pemikiran yang berkaitan dengan tingkah laku dalam masyarakat sangat jelas digunakan dalam pantun Melayu Sarawak. Walaupun bermukun adalah salah satu acara yang berperanan untuk bersuka ria namun penyelitan pemikiran etika tetap diberi keutamaan bagi memastikan masyarakat Melayu kekal dengan adat dan mempunyai tingkah laku yang baik.

Fatimah Haji Subet (2017) dalam bukunya bertajuk Pantun Melayu Sarawak: Pentafsiran Makna Implikatur yang cuba mengetengahkan bahawa implikatur bukan sahaja wujud dalam perbualan, tetapi juga dalam aktiviti bahasa yang tidak melibatkan perbualan, misalnya pengucapan pantun. Kajian ini menggunakan 50 buah pantun Melayu Sarawak untuk dianalisis dengan mengaplikasikan pendekatan yang dikemukakan oleh Paul Grice. Dapatan menunjukkan dalam setiap pantun tersebut wujud implikatur yang diselitkan untuk menyampaikan mesej yang tersirat yang tidak dikemukakan dalam maksud pantun yang lazimnya didapati secara tersurat. Dapatlah disimpulkan bahawa banyak kajian berkaitan pantun telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu namun, kekurangan maklumat atau kajian berkaitan pantun-pantun dalam aktiviti bermukun dapat dilihat menyebabkan semangat pengkaji dirangsang untuk melaksanakan kajian ini bagi memastikan tidak hanya aktiviti bermukun kekal dipelihara akan tetapi, pantun-pantun yang diujar dalam aktiviti tersebut juga perlulah diperkasa untuk memastikan setiap lapisan generasi akan datang memahami akan pantun-pantun yang diujarkan walaupun pengujarannya dalam bahasa Melayu Sarawak.

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat deskriptif. Kajian yang dilakukan ini juga berdasarkan data yang diperoleh melalui kaedah lapangan yang dijalankan secara pemerhatian dan rakaman. Dua kaedah tersebut digunakan bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat terutama pantun yang diujarkan ketika aktiviti bermukun dijalankan. Pemerhatian dan rakaman merupakan dua kaedah yang relevan untuk digunakan memandangkan pengkaji bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pantun yang diujarkan secara spontan.

Pemerhatian merupakan salah satu sumber penting dalam mendapat data secara langsung dan sahih. Kaedah pemerhatian dilakukan secara tinjauan sepanjang aktiviti bermukun berlangsung. Empat (4) siri bermukun telah diperhatikan di beberapa lokasi berlainan di kawasan Mukah, Sarawak. Antara lokasi yang dipilih ialah Kampung Bakong, Dalat, Kampung Petanak, Mukah, Kampung Sungai Alo, Mukah dan Kampung Tellian, Mukah. Pemerhatian ikut serta juga turut

digunakan dalam mengutip data bagi memastikan pengkaji mendapatkan data yang lebih mendalam dan bermakna. Kaedah tersebut juga dapat mengukuhkan pemahaman dan penjelasan terhadap kajian yang dilakukan. Dalam erti lain, kedua-dua kaedah pemerhatian ini dilakukan dari awal hingga selesai aktiviti bermukun bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang jelas bagi menjawab persoalan kajian.

Rakaman turut dibuat sepanjang aktiviti bermukun atau berbalas pantun bagi memastikan tiada keciciran data dan dapat mengulang tayang rakaman tersebut. Triangulasi dan pengukuhan data juga dapat disahkan melalui kaedah rakaman ini kerana bergantung terhadap pemerhatian semata-mata akan menyebabkan berlakunya keciciran maklumat penting. Justeru, dua kaedah digunakan dalam kajian ini bagi memastikan dapatan yang dibincangkan mampu menjawab soalan kajian dan seterusnya menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti bermukun tradisi masyarakat Sarawak.

#### 4. KERANGKA TEORI

Model Segi Tiga Semiotik ini telah dikemukakan oleh Charles Sanders Peirce pada tahun 1965. Terdapat empat kaedah yang boleh digunakan dalam pendekatan Segi Tiga Semiotik, antaranya ialah menerusi aplikasi model Tanda Binary Opposiiton yang dicipta oleh Fedinand de Saussure, Model Tanda Triadik oleh Charles Sander Peirce, pendekatan Myth oleh Barthes (1957) dan Teori Tanda Peter Wollen (1998). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menggunakan satu kaedah iaitu Model Triadik yang diperkenalkan oleh Charles Sander Peirce. Elemen utama teori ini ialah terdiri daripada representasi, objek dan interpretasi. Kamus Dewan (2014) menfasirkan representasi adalah sesuatu yang dirujuk oleh pemerhati terhadap perkara yang melingkari tanda tersebut. Objek disebut sebagai acuan kepada tanda tersebut yang dirujuk fungsinya sebagai suis dalam membina interaksi. Manakala, interpretasi adalah konsep pemikiran yang melemparkan pandangan, idea dan membentuk makna dan diterjemahkan oleh pemerhati (Johansen & Larsen, 2002).

Menurut Teddy Marrius dan Ag Asri (2020), kajian yang boleh wujud dalam pelbagai keadaan yang ditandai dengan tanda-tanda (signs). Tambah beliau lagi, kecenderungan manusia membuat menimbulkan makna disebalik sesuatu tanda menjadikan elemen semiotik lebih menarik untuk dikaji termasuklah perkara-perkara melibatkan tanda seperti kata, perbuatan, bau, rasa, gambar atau objek.

Berhubung dengan konsep triadik (three-part), Peirce (dalam Daniel Chandler, 2002:32) menjelaskannya seperti yang berikut:


*A sign ... (in the form of a representamen') is something which stands to somebody for something in some respect or capacity. It addresses somebody, that is, creates in the mind of that person an equivalent sign, or perhaps a more developed sign. That sign which it creates I call the interpretant' of the first sign. The sign stands for something, its object: It stands for the object, not in all respects, but in reference to a sort of idea, which I have sometimes called the ground of the representamen.*

(Charles Sanders Peirce, 1958)

Secara rumusannya, dapat disimpulkan bahawa Model Tanda Triadic Peirce menggambarkan tanda dalam bentuk segi tiga semiotik bersifat tiga penjurua yang dimulai dengan (i) representasi merupakan satu bentuk (form) yang bersifat sebagai tanda namun, bukanlah tanda yang merujuk material semata-mata malah, mengatasi pemikiran yang ditafsirkan, kemudian tanda tersebut dizahirkan dalam bentuk (ii) objek yang merujuk kepada sesuatu yang melebihi konteks tanda dan akhirnya diletakkan (iii) interpretasi yang bukan sahaja sebagai penterjemah, tetapi sebagai

tafsiran dalam melihat tanda. Justeru, pengaplikasian teori ini sangat relevan dengan kajian yang dilakukan kerana peranan teori yang sangat luas untuk menyelesaikan konsep penandaan makna disebalik perlambangan yang digunakan dalam pantun bermukun.

Secara ringkasnya, tiga komponen yang mendasari tiga penjurukan dalam model tanda ini dapat digambarkan seperti dalam rajah 1.



**Rajah 1.** Model Tanda Triadic Peirce.  
(Sumber: Chandler (2002))

Berdasarkan rajah 1, Model Tanda Triadic Peirce (1965), pantun yang diperoleh akan dianalisis dengan merujuk tiga elemen yang ditekankan dalam model tersebut iaitu representasi sebagai tanda yang dapat diberikan rujukan dengan objek, manakala elemen objek pula adalah perlambangan yang bukan sahaja tanda semata-mata malah meliputi maksud disebalik tanda dan elemen ketiga iaitu interpretasi yang berperanan sebagai tafsiran dengan merujuk tanda yang juga berfungsi untuk mentafsir perlambangan disebalik pantun. Menurut Muhammad Zaid et.al., (2018) Model Tanda Triadic Peirce mencakupi landasan yang mampu menghuraikan pertalian antara pemikiran dan perlambangan bagi menjawab sesuatu lambang atau kata yang terkandung dalam sesuatu elemen yang digunakan dalam karya sastera seperti peribahasa, pantun atau sajak.


## 5. DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan dan perbincangan kajian dikupas secara terperinci berdasarkan tiga objektif utama dalam kajian yang dijalankan ini iaitu (i) unsur perlambangan dalam pantun bermukun dianalisis berdasarkan Model Tanda Triadic Pierce (1965) dan turut diperjelaskan adalah (ii) makna eksplisit dan implisit pantun-pantun tersebut serta (iii) cadangan pendokumentasian yang boleh dilaksanakan dalam usaha mengetengahkan aktiviti bermukun sebagai nuansa citra Malaysia.

## 5.1 Unsur Perlambangan

Unsur data bertemakan haiwan, benda, minuman dan anggota badan digunakan sebagai perlambangan yang wujud dalam pantun yang diujar ketika aktiviti bermukun. Data-data tersebut dianalisis berdasarkan Model Tanda Triadic Peirce (1965). Berdasarkan dapatan analisis, perbincangan kajian ini hanya akan tertumpu kepada lambang atau kata yang wujud dalam pantun yang telah dianalisis dan dikaitkan secara langsung dengan pemikiran kerana elemen lambang sangat berkait rapat dengan pemikiran melalui simbol atau objek yang relevan. Oleh itu, dapatan analisis bagi objektif satu dapat diterangkan berdasarkan rajah 2:

Berikut ialah perlambangan bertemakan binatang iaitu *boyak* (buaya) yang terkandung dalam pantun bermukun semasa proses kutipan data dijalankan.



**Rajah 2.** Perlambangan buaya.

Perlambangan bagi sifat seorang lelaki yang gatal atau miang terhadap wanita diberi perlambangan sebagai boyak berdasarkan pantun yang diungkap oleh pemantun. Sedangkan makna sebenar bagi buaya adalah sejenis reptilia besar yang berkulit tebal, berbadan panjang dan hidup di dalam air serta merangkak ataupun meluncur. Oleh sebab perlambangan sering kali digunakan dalam melambangkan sifat lelaki yang miang dan suka bercinta dengan wanita yang ramai, maka wujudnya peribahasa khusus seperti buaya darat untuk menggambarkan sifat tersebut. Akan tetapi, dalam pantun bermukun Sarawak, hanya perkataan boyak yang diungkap dan makna atau lambang yang ingin disampaikan juga adalah bersamaan dengan buaya darat. Saidatul Nornis dan Mohd Rasdi (2013) berpendapat sifat haiwan dimasukkan dalam sifat manusia berlaku sama ada mempunyai persamaan dengan kehidupan sebenar manusia atau sebaliknya. Malah, unsur-unsur haiwan yang digunakan dalam sesuatu perlambangan juga membuktikan nilai kehidupan norma sesebuah masyarakat bermula dengan alam sekitar sebagai rujukan dalam kehidupan seharian mereka. Akibat sifat buaya yang gemar berjemur atau bersidai di tepi sungai seolah-olah mencari perhatian orang ramai, maka perlambangan buaya itu digunakan dalam melambangkan tanda yang ingin dizahirkan melalui interpretasi tersebut.

Berikut ialah contoh pantun yang diungkap oleh pemantun ketika aktiviti bermukun dijalankan. Berdasarkan pantun tersebut, ia adalah ungkapan pemantun lelaki yang menggelar dirinya sendiri sebagai boyak (buaya). Maka, pemantun tersebut cuba untuk menjelaskan representasi atau tanda yang mewakili dirinya dengan memberi perlambangan buaya. Dalam pada itu, tanda seorang lelaki miang atau gatal juga sangat meluas ditandai dengan objek seperti buaya sehingga ia bukan sahaja digunakan oleh wanita untuk menggelar lelaki malah, lelaki itu sendiri tanpa segan silu sudah mula berasimilasi dengan perkataan buaya untuk menzahirkan makna iaitu interpretasi di sebalik lambang buaya. Jelaslah bahawa perlambangan buaya relevan untuk




melambangkan seorang lelaki yang gemar menabur rasa cinta dengan pelbagai wanita tanpa memikirkan kesan dan akibatnya sedangkan wanita lebih cenderung memilih lelaki yang setia. Contoh pantun;

Dari Limbang kamek Oya,  
Singgah membeli barang di Miri;  
Bukan **boyak** sebaranglah **boyak**,  
**Boyak** datang becarik berbini.

(Sumber: Data Bermukun di Mukah, 2023)

Berikut pula ialah lambang bertemakan benda iaitu *cincin* yang terkandung dalam ungkapan pantun ketika aktiviti bermukun dijalankan di lokasi kajian.



**Rajah 3.** Perlambangan cincin.


Leksikal cincin membawa makna perhiasan jari yang kebiasaannya diperbuat daripada logam sama ada mempunyai permata atau sebaliknya serta benda yang berlingkar seakan gelang namun saiznya lebih kecil (Kamus Dewan, 2014) Walau bagaimanapun, cincin yang dilambangkan dalam pantun bermukun membawa maksud yang berbeza iaitu seseorang yang dalam keadaan suka akan seseorang dan mempunyai keinginan untuk ke fasa seterusnya dizahirkan melalui objek cincin untuk interpretasi perasannya dengan mengikat hubungan ekoran daripada perasaan cinta dan sayang yang wujud dalam dirinya terhadap seseorang. Salinah, Tengku Intan Marlina dan Kim Keum (2017) mendapati cincin adalah sinonim dengan wanita yang ingin disunting atau lambang kebahagiaan yang boleh diperoleh daripada seorang wanita. Maka, perlambangan cincin relevan untuk digunakan dalam sesuatu pantun termasuklah pantun bermukun tradisi masyarakat Sarawak ini.

Berikut ialah contoh pantun bermukun yang mengandungi perlambangan objek cincin. Leksikal cincin dalam pantun tersebut diungkap oleh pemain gendang iaitu seorang wanita yang turut berbalas pantun dalam aktiviti tersebut. Hal ini bertepatan dengan pandangan Salinah et.al., (2017) yang menyatakan bahawa wanita sangat gemar akan cincin, maka ungkapan tersebut turut digunakan oleh pemantun sebagai objek untuk tanda ikatan perasaan yang wujud antara pemantun lelaki dengan dirinya. Walaupun sifat cincin adalah sebagai perhiasan akan tetapi, ia semakin relevan digunakan dalam kalangan masyarakat jika berkaitan dengan perasaan atau hubungan. Lantas, sebarang keinginan atau kehendak untuk menjalin hubungan yang disemai rasa sayang, cinta, suka dan gembira perlulah ditandai dengan cincin bagi memastikan orang yang disayangi tidak jatuh ke tangan orang lain dan dalam masa yang sama dapat saling mengingati bahawa setiap daripada pasangan telah terikat antara satu sama lain.

Pergi Betong mendayunglah sampan,  
Bawalah selendang jari jemari;  
Kalau dah jodoh adalah harapan,  
Mari bertandang menyarung **cincin**.

(Sumber: Data Bermukun di Mukah, 2023)

Berikut pula ialah lambang bertemakan *tumbuhan* iaitu ungkapan *kopi* yang diujar oleh pemantun ketika asyik bermukun dalam salah satu pesta sempena perkahwinan yang diadakan di lokasi kajian.



**Rajah 4.** Perlambangan kopi.

Walaupun kopi dikatakan pahit dan diberi pemaknaan sebagai sejenis tumbuhan iaitu pokok dan bijinya yang digoreng untuk dijadikan serbuk sebagai diminum namun, ia lebih sinonim jika diberi perlambangan pahit yang menggambarkan kehidupan tidak seindah yang diharapkan akan tetapi, dalam pantun bermukun perkataan kopi memberi makna yang bertentangan iaitu ia menunjukkan satu keadaan yang nyaman (representasi) diungkapkan dengan perkataan kopi (objek) untuk memberi makna (interpretasi) keadaan seseorang yang sangat dirasai selesa atau bahagia dalam sesuatu keadaan hubungan tertentu. Kebiasaannya, leksikal kopi juga menunjukkan satu keadaan seseorang yang berada dalam keadaan yang santai tanpa terbeban dengan sebarang masalah sehingga digambarkan dengan aktiviti menikmati secawan kopi dengan penuh kenikmatannya. Maka, ungkapan kopi digunakan oleh pemantun dalam aktiviti bermukun untuk menjelaskan keadaan dirinya yang berasa nyaman, santai dan bahagia lalu ingin berhibur dan menjalin rasa sayang dengan seseorang yang dirasainya nyaman dan selesa serta suka.

Berikut ialah antara pantun yang mempunyai perlambangan kopi iaitu sebagai objek untuk menandai representasi berkaitan interpretasi rasa nyaman atau bahagia.

Asamlah payak asam kelubi,  
Jual rah pasar di kampung Bali;  
Rasa ngan kitak kedak **kopi**,  
**Kopi** nang nyaman jantung hati.

(Sumber: Data Bermukun di Mukah, 2023)

## 5.2 Makna Eksplisit dan Implisit

Pantun yang diujarkan secara spontan dalam aktiviti bermukun tidak hanya digambarkan melalui perkataan atau leksikal yang digunakan malah, ia juga turut mengandungi makna eksplisit dan implisit yang bukan sahaja berkaitan dengan orang yang sedang melakukan kegiatan aktiviti bermukun malah, ia juga dapat dijadikan sebagai pedoman dan pengajaran kepada masyarakat

sekitar yang mendengar atau menonton aktiviti bermukun. Oleh itu, objektif kedua kajian ini untuk membincangkan secara lanjut berkaitan mesej nyata dan tidak nyata yang cuba untuk disampaikan melalui pantun dalam aktiviti bermukun akan diperincikan secara mendalam dengan mengemukakan beberapa contoh pantun yang diperoleh melalui proses kutipan data yang telah dijalankan. Makna eksplisit merujuk kepada pernyataan yang jelas dan tepat yang ingin disampaikan tanpa sebarang kiasan manakala makna implisit pula merujuk kepada pernyataan yang tidak terang atau tidak secara langsung dan kebiasaannya digambarkan dengan kiasan-kiasan tertentu. Tajuddin dan Saruddin (2018) menjelaskan terdapat siratan makna yang mendalam dan bermakna berkaitan dengan interpretasi sesuatu leksikal dalam pantun Melayu. Tambah mereka lagi, pemaknaan di sebalik leksikal atau perkataan mahupun istilah yang digunakan bertujuan untuk menyampaikan pemikiran, perasaan dan perubahan tindakan yang memerlukan pendengar memikirkan makna disebalik yang ditulis atau ujar.

Malamlah ini hatiku mabok,  
Mabok kungenang rasa hati;  
Malam ini juh sama kita **mabok**,  
**Mabok**lah kita sampey ke pagi.

*(Sumber: Data Bermukun di Mukah, 2023)*

Berdasarkan pantun yang diujarkan oleh seorang pemain dalam aktiviti bermukun, makna yang cuba disampaikan dalam bait-bait pantun spontan tersebut bukanlah bermaksud dirinya dalam keadaan mabuk akibat daripada meminum minuman keras. Namun, makna implisit yang cuba untuk disampaikan melalui pantun tersebut adalah bertujuan untuk memberitahu pemantun lawan dan penonton tentang keadaan dirinya yang sudahpun bersedia untuk menari iaitu bertandak dan menghiburkan tetamu dengan pantun dan tariannya semasa aktiviti tersebut berlangsung. Jika diamati secara langsung, leksikal mabok yang digunakan dalam pantun tersebut seolah-olah memberi gambaran negatif yakni perlu berada dalam keadaan mabuk atau tidak terkawal sehingga mengajak orang lain untuk turut sama mabuk sampai ke pagi. Namun, makna implisit disebalik pantun tersebut sebenarnya menggambarkan keadaan yang bertentangan iaitu keadaan dirinya yang sudahpun merasa terlalu suka atau gembira, mengajak orang lain untuk sama merasa perasaan tersebut serta mengajak berhibur sampai ke pagi. Menurut Aida Qamariah, Salinah dan Ahmad Ramizu (2018), pengertian makna dalam sesuatu karya sastra sangat penting untuk menghidupkan sesuatu karya kerana kegagalan menentukan bentuk leksikal atau bahasa bermakna akan menyebabkan penyampaian gagal melahirkan emosi dan bayangan. Justeru, penyampaian makna dalam pantun tersebut sebenarnya dapat dirungkaikan dengan memahami makna implisit disebalik penggunaan leksikal-leksikal lain yang saling berkoheren untuk menunjukkan perkaitan makna dari setiap ujaran pantun.

Dalam perjalanan pintu di kunci,  
Kuncinya tertinggal dalam lemari;  
Kalau tidak datanglah kemari,  
Saya sudah **menaruh hati**.

*(Sumber: Data Bermukun di Mukah, 2023)*

Selain itu, makna eksplisit juga dizahirkan oleh pemantun dalam aktiviti bermukun dalam bait-bait pantun di atas. Makna yang cuba untuk disampaikan dapat difahami dengan jelas melalui pemilihan perkataan yang digunakan dalam ungkapan pantun tersebut. Pemantun menyampaikan mesej bahawa kehadiran dia dalam aktiviti tersebut akibat daripada sudah menaruh perasaan dan timbulnya rasa sayang terhadap pemantun lawan sehingga mendorong dirinya untuk datang ke aktiviti tersebut. Makna eksplisit pada pantun ini tidak sukar untuk ditafsirkan kerana penggunaan leksikal yang digunakan dalam kehidupan seharian memudahkan pendengar memahami mesej yang ingin disampaikan.

Oleh sebab aktiviti bermukun ini melibatkan pantun secara spontan, maka tidak hairanlah pantun-pantun bermukun lebih mudah untuk ditafsirkan maknanya kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuklah pengetahuan sedia ada pemantun yang terdiri daripada pelbagai latar belakang juga menghadkan pemilihan dan penggunaan leksikal yang berbentuk makna implisit.

Baju kurung panjang ke lutut,  
Baru bahagia bertemu lutut;  
Usahlah heran usahlah takut,  
Kekasih lama datang **melutut**.

*(Sumber: Data Bermukun di Mukah, 2023)*

Contoh pantun ketiga yang dianalisis ialah seperti pantun di atas. Berdasarkan analisis data daripada pantun yang diujarkan oleh pemantun ketika aktiviti bermukun, ia membawa makna eksplisit yang sangat jelas dan ketara makna yang ingin disampaikan dalam setiap ujaran bait-bait pantun tersebut. Makna yang ingin disampaikan diujar secara terus dengan menasihati supaya tidak berasa takut sekiranya orang yang pernah disayangi dan dicintai datang untuk berbaik atau menagih semula cinta yang pernah disemai kerana sifat manusia sejak azalnya akan terus mengenangkan sesuatu yang pernah menyinggah di hati mereka. Menurut Muhammad Zaid, Nurfatin dan Muhammad Nurikhwan (2018), masyarakat cenderung untuk menzahirkan makna sesuatu perkara dengan mempamerkan ketinggian pemikiran yang penuh dengan nilai budaya bagi membentuk jati diri dalam diri masyarakat. Maka, makna-makna yang disampaikan dalam pantun bermukun sama ada secara eksplisit mahupun implisit bukanlah bersifat hiburan semata-mata malah, ia juga bermakna dan bernilai di samping, berupaya mendidik masyarakat secara tidak langsung dengan bercerita di sebalik ungkapan pantun untuk pedoman dalam kehidupan masyarakat.

Dapatlah dikatakan bahawa, dalam aktiviti bermukun ujaran pantun adalah kebanyakan bersifat eksplisit iaitu pemantun menggunakan perkataan-perkataan yang mudah untuk difahami. Keadaan ini mungkin berpunca daripada pengujaran pantun secara spontan dan tidak mempunyai masa yang panjang untuk mereka memikirkan perkataan-perkataan atau frasa-frasa yang mempunyai makna implisit. Lebih-lebih lagi, ketika aktiviti bermukun ia bukan sahaja melibatkan pantun semata-mata malah, unsur-unsur lain seperti paluan gendang, gemersik papan nada serta tandak (tarian) mungkin sedikit sebanyak mempengaruhi pemilihan frasa yang bersifat implisit dalam pantun yang diujarkan. Jadi, jelaslah bahawa dalam pantun-pantun yang diujarkan dalam aktiviti bermukun, pantun yang membawa makna berbentuk eksplisit lebih dominan berbanding dengan pantun-pantun yang mempunyai makna implisit. Walaupun demikian, pantun-pantun yang mempunyai makna implisit tetap wujud namun, dalam jumlah yang sangat sedikit.

### **5.3 Bermukun Khazanah Warisan Bangsa untuk Nuansa Citra Malaysia**

Khazanah warisan bangsa merupakan aset utama sesuatu negara dalam memastikan budaya sesuatu bangsa dapat dipelihara dan dikekalkan untuk anak bangsa generasi seterusnya dan lambang identiti khusus milik sesebuah masyarakat dan negara. Dalam pada itu, sesuatu budaya seperti bermukun juga merupakan nuansa citra Malaysia yang perlu didokumentasikan bagi memastikan budaya tersebut tidak ditelan zaman dek kemajuan teknologi pada masa kini dan mendatang. Justeru, dapatan kajian ini juga turut mencadangkan dua cara utama yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan mahupun penggiat aktiviti bermukun di Sarawak khususnya dalam usaha pengekalan sebagai khazanah warisan bangsa dan nuansa citra Malaysia. Cadangan-cadangan lain merujuk pendokumentasian pantun tidak dibincangkan dalam kajian ini kerana ia berfokus kepada perbincangan berkaitan dengan usaha utama yang membolehkan usaha-usaha lain dilakukan selepas kedua-dua cadangan pendokumentasian ini diberi perhatian oleh pihak bertanggungjawab kelak.

Antaranya ialah penyediaan dana berbentuk geran kepada penyelidik-penyelidik untuk memastikan aktiviti bermukun dapat dipatenkan sebagai identiti untuk melambangkan budaya masyarakat Sarawak khususnya dan Malaysia amnya. Penyediaan dana khusus ini wajar dipertimbangkan oleh agensi terlibat terutamanya kerajaan negeri Sarawak dengan menyediakan sejumlah dana secara berkala setiap tahun untuk penyelidik membuat pelbagai kajian berkaitan aktiviti bermukun. Dana-dana yang disediakan perlulah mengambil kira kesan jangka masa panjang untuk mengangkat aktiviti bermukun ini sebagai sebuah warisan yang menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia lebih-lebih lagi negara-negara lain seperti Brunei, Indonesia dan Filipina yang juga telah memulakan usaha untuk memperkasakan aktiviti bermukun ini. Secara tidak langsung, cadangan penyediaan dana berbentuk geran mampu meningkatkan keupayaan kerajaan melalui kerja buat penyelidik-penyelidik ke lapangan mencari maklumat, menganalisis data dan merungkai isu di sebalik aktiviti bermukun dan akhirnya direkod dalam bentuk pelaporan kajian seumpama ini.

Selain itu, program khusus berkaitan budaya Sarawak seperti aktiviti bermukun perlu diketengahkan dengan menyediakan platform khas seperti penyiaran melalui media massa seperti rancangan televisyen atau menganjurkan pertandingan berbentuk inovasi berkaitan aktiviti bermukun. Langkah penganjuran program khusus seumpama ini, bukan sahaja mampu memperkenalkan aktiviti bermukun malah ia merencanakan lagi industri hiburan dengan menayangkan rancangan berkaitan bermukun sama ada dalam rancangan televisyen tempatan seperti TVS milik kerajaan negeri Sarawak. Dalam pada itu, penggunaan platform moden yang sangat dekat dengan jiwa anak-anak muda juga perlu difikirkan untuk mewujudkan program khusus berkaitan aktiviti bermukun agar ia memberi impak dan kesedaran kepada generasi muda khususnya untuk memahami, mendalami dan mengambil berat soal budaya termasuklah aktiviti bermukun ini melalui platform media revolusi 4.0 walaupun Siti Nurul Jannah dan Junaini, 2020, menyatakan kebimbangan mereka terhadap generasi digital yang kurang peka terhadap keperluan menjaga khazanah negara terutama aspek bahasa. Justeru, dua cadangan ini dikemukakan sebagai satu langkah untuk tujuan pendokumentasian kerana ia sangat relevan dengan keperluan dan kehendak semasa berbanding dengan langkah-langkah lain yang telah biasa dilaksanakan. Kerajaan negeri Sarawak khususnya, perlulah mengambil tindakan teratur dan terancang dengan menyediakan dana khas dalam belanjawan negeri sebagai langkah awal untuk menarik minat sektor -sektor lain untuk turut serta dan akhirnya mampu mengangkat martabat budaya seperti aktiviti bermukun ini sekali gus memberi impak positif dari aspek pendokumentasiannya.

## 6. KESIMPULAN

Kesimpulannya, pantun bermukun juga mempunyai lambang-lambang tertentu yang dapat ditafsirkan makna yang ingin disampaikan oleh pemantun. Lambang-lambang juga digunakan dalam pantun-pantun bagi memastikan unsur keindahan dapat dipamerkan untuk mewujudkan suasana yang harmoni serta menjaga keindahan pantun itu sendiri. Malah, makna-makna pantun juga tidak sukar untuk diterjemahkan kerana penggunaan leksikal eksplisit lebih menonjol berbanding leksikal yang berunsur makna implisit. Walau bagaimanapun, keadaan ini ketara berlaku dalam kalangan pemantun balas iaitu penari (tukang tandak) ketika mengungkapkan pantun. Situasi ini berlaku disebabkan aktiviti tersebut bukanlah rutin mereka berbanding dengan pemain gendang (pemantun) yang bergiat secara aktif dalam aktiviti bermukun dan secara tidak langsung pengetahuan asas serta jumlah perkataan dalam kotak pemikiran mereka adalah banyak dan tidak terhad untuk dizahirkan dalam ungkapan pantun. Keunikan aktiviti bermukun dan keindahan pantun bermukun wajar dipelihara kerana ia adalah sebahagian daripada khazanah warisan bangsa yang menjadi nuansa citra Malaysia. Zaliza dan Rohizah Halim (2020), menyatakan bahawa komunikasi lisan yang dialirkan melalui kata-kata atau ucapan mampu memberi kesan emosi yang sama dengan komunikasi visual selagi ia bermaklumat dan menyampaikan mesej. Maka, adalah penting untuk kita memelihara khazanah ini agar tidak

pupus ditelan zaman lebih-lebih lagi pantun yang diujarkan dalam aktiviti bermukun menggunakan bahasa Melayu dialek Sarawak. Pelbagai kaedah boleh diperkasakan untuk tujuan pendokumentasian aktiviti bermukun, namun biarlah ia berlaku secara konsisten dan teratur agar usaha yang dilakukan mampu mengangkat aktiviti bermukun bukan sahaja di Malaysia malah ke pelosok dunia agar ia menjadi identiti dan paten merujuk kepada negara Malaysia. Menurut Nurul Aminah dan Hasnah (2014), pantun merupakan manifestasi pemikiran sesebuah masyarakat untuk menjelmakan pemikiran yang arif dan berkualiti dari pengamatan mata yang peka serta rinci dalam menjalani kehidupan seharian mereka. Justeru, pantun-pantun merupakan sebahagian daripada pembelajaran masyarakat dengan membaca dan memahami makna pantun untuk dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan dengan merujuk kehidupan silam manusia menerusi pantun dan alam sekeliling. Senada dengan pendapat Maulana, Nor Hashimah dan Junaini (2020) bahawa keindahan pantun dapat dilihat melalui ciri-ciri dalamannya yang tepat, pengertian yang bermakna serta pemikiran serta falsafah yang dizahirkan melalui ungkapan pantun.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam di bawah dana Geran Inisiatif Akademi (GIA) 600 - APB (PT.2/8).

## RUJUKAN

- Aida Qamariah Ishak, Salinah Ja'afar & Ahmad Ramizu Abdullah. (2018). Pantun Kanak-kanak dari Perspektif Semiotik Riffaterre. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11(1), 88-109.
- Adam Mohd Salehuddin & Nasir Baharuddin. ((2017). Analisis Pendekatan Semiotik Terhadap Karya "Pembukaan" (2013) oleh Mohd Fuad Arif. *Kupas Seni*, 5. Dicapai daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2267>.
- Fatimah Haji Subet (2017). *Pantun Melayu Sarawak: Pentafsiran Makna Implikatur*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Hazami Jahari. (2012). Pantun Mukun Melayu Sarawak: Satu Kajian Kias dan Ibadat. *Tesis Ijazah Kedoktoran Kesasteraan*. Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Hamsiah Juki. (2018). Pemikiran Etika Dalam Pantun Melayu Sarawak. *Jurnal Peradaban Melayu*, Jilid 13, 2018. ISSN 1675-4271 (102-113).
- Muhammad Khalil Khirruddin & Mas Rynna Wati Ahmad. (2023). Perlambangan Unsur Alam dalam Pantun Melayu terpilih dari Sudut Pandangan Ekokritikan. *Jurnal Melayu, Isu Khas*, 46-59.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid, (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaran Perunggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15 (2). pp. 146-159. ISSN 1675-7513. Dicapai daripada <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/issue/view/864>.
- Nurulakmal Abdul Wahid. (2014). Perkembangan dan Perubahan Struktur Tradisi Gendang Melayu Sarawak. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(2), 137-151.
- Noriza Daud. (2007). Unsur Metafora dalam Pantun: Suatu Pendekatan Semiotik. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 18(1), 120-134. Dicapai daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9739>.
- Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. (2022). Metafora Objek Galah dan Kemudi salam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 26(1), 058-074.
- Maulana Al-Fin Che Man, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2020). Maritim Nusantara: Pembuktian Pantun Tradisional Melayu. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*. 2(2).
- Mengga, N. A. (2023). Unsur Tumbuhan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Iban. *PENDETA*, 14(2), 1-10.

- Mohammad Syawal Narawi, Nor Hasimah Ismail & Lee Jun Choi. (2020). Pantun Melayu Sarawak Sebagai Wadah Penerapan Nilai Tanggungjawab. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3 (11), 19-31. DOI: 10.35631/IJHPL.311003.
- Muhammad Zaidi Daud, Nurfatim Hanani Wahap & Muhammad Nurikhwan Lokman. (2018). Analisis Semiotik Peribahasa banjar Bersumberkan Ular (Serpentes). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 1-7.
- Nurul Aminah Basharuddin & Hasnah Mohamad. (2014). Interpretasi Pantun aripada Perspektif Semiotik. *Jurnal Linguistik*, 18(1), 001-009.
- Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat @ Mustaffa. (2019). Pantun Melayu Sarawak Cerminan Sosiobudaya Masyarakat Sarawak. <https://www.researchgate.net/publication/342591460>.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali & Mohd Rasi Saamah. (2013). Haiwan sebagai Perlambangan dalam Peribahasa Orang Semai. *Gema Online™ Journal of Language Studies*, 13(1),83-98.
- Salinah Jaafar, Tengku Intan Marlina Tengku Moh Ali & Kim Keum Hyun. (2017) Simbol Perlambangan Wanita dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Bahasa*, 11(1),125-141.
- Shia Ho, W. (2020). Gambaran kemewahan melalui perlambangan dalam lirik lagu hokkien “Ji Pa Ban”: Analisis semantik inkuisitif, *PENDETA*, 11(1), 98-114.
- Siti Nurul Jannah Fital & Junaini Kasdan. (2020). Sikap dan Penghayatan Jati Diri Bahasa Melayu Generasi Z (Gen Z) dalam menempuh Revolusi Industri 4.0. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*. 2(2).
- Suliman, M. S., Ab. Jabar, N., Daeng Jamal, D. H., Sukri, S., Radzuan, A. W., Muhd Shukri, F., Raja Hassan, T. R., & Lim, Y. X. (2023). Puisi Konkrit: Satu Penelitian Berdasarkan Pendekatan Semiotik, *PENDETA*, 14(1), 1-12.
- Tajudin, Z., & Saruddin, A. (2018). Metafora Bunga Kiambang dalam Pantun Melayu berdasarkan teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(16),01-17.
- Teddy Marius Soikun & Ag Asri Ag Ibrahim. (2020). Pendekatan Analisis Formalistik Semiotik Visual: Mencari Faktor ‘Appeal” dalam Watak Animasi Tempatan. *Gendang Alam*, 10(2), 19-38.
- Zaliza Zubir dan Rohizah Halim. (2020). Kisah disebalik Imej dalam Pengiklanan. *Journal of Communication in Scientific Inquiry*, 2(1),65-74.